

TN50

Menakhodai Aspirasi Anak Muda

Oleh Zulfaizan Jumrah


HANYA berbaki tiga tahun lagi, negara kita akan menginjak ke tahun 2020, tahun Wawasan 2020 mencapai matlamatnya setelah melalui pelbagai proses pembinaan dan pengaplikasian bertitik tolak daripada gagasan yang cukup murni. Secara umumnya, Wawasan 2020 diperkenalkan pada tahun 1991 sebagai kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990.

Apabila menghayati kronologi cita-cita murni ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, tidak mahu kita menoleh ke belakang lagi. Beliau mahu dasar cita-cita murni ini mempunyai kesinambungan yang jelas tentang hala tuju negara untuk tempoh 30 tahun akan datang. Yang lebih menarik, mekanisme pelaksanaan aspirasi ini datangnya daripada suara pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya anak muda yang akan menakhodai aspirasi negara pada masa hadapan.

Tanpa berleghang, Perdana Menteri memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk menuntun cita-cita murni ini. TN50 ialah satu daripada usaha untuk membentuk masa hadapan Malaysia dari tahun 2020 hingga 2050. Daripada negara maju, kita harus menyoar untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam pelbagai bidang, mencakupi aspek pembangunan dan penciptaan subbidang ekonomi, menyejahterakan kehidupan rakyat, dan membudayakan amalan inovasi. TN50 dicetuskan sendiri oleh Perdana Menteri dalam Belanjawan 2017 – hal yang sudah cukup membuktikan bahawa kerajaan benar-benar serius dan mahu bersiap siaga untuk melaksanakan gagasan besar ini.

TN50: Aspirasi Anak Muda

Melalui medium ini, Perdana Menteri mahu rakyat, terutama golongan belia, merangka visi baharu untuk Malaysia dan pada masa sama, menyerahkan penentuan hala tuju serta cara TN50 dapat dicapai kepada anak muda. Visi ini akan digalas oleh anak muda, dipacu oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), bagi melihat cara pembangunan Malaysia mampu berkembang sepesat mungkin sebagai negara maju mengikut acuan dan pemikiran jitu anak muda.



Anak muda pada hari ini merupakan harta negara yang paling bernilai. Yang lama akan pergi, maka mahu atau tidak, yang baharu akan tampil untuk mewarisi negara ini. Anak muda pada hari ini menjadi sandaran kita pada masa hadapan. Jatuh dan banggunya negara kita pada kemudian hari bergantung pada sejauh mananya kesungguhan anak muda kita beraspirasi dan berinspirasi untuk meneruskan kesinambungan kegemilangan yang ada demi melakarkan kejayaan negara yang lebih unggul pada masa hadapan. Maka, di sinilah pentingnya untuk anak muda melibatkan diri bagi memberikan cadangan atau idea baharu kepada kerajaan untuk didengar, diberi pertimbangan dan seterusnya direncanakan.

Sebagai permulaan, pada 19 Januari 2017, sesi Dialog Perdana berkenaan TN50 diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. Majlis tersebut dihadiri oleh belia yang menyuarakan aspirasi mereka untuk Malaysia bagi tahun 2050. Dalam ucapannya, Perdana Menteri menyatakan bahawa pendekatan tersebut dipilih kerana beliau mahu TN50, yang menjadi kesinambungan kepada dasar 30 tahun terdahulu, menjadi visi rakyat oleh sebab masa hadapan negara milik generasi muda hari ini. Keupayaan anak muda tidak akan pernah sesekali dipandang enteng oleh kerajaan, malah suara mereka lah kelak yang bergema ketika kita mencanang perubahan iklim transformasi yang lebih baik untuk negara tercinta.

Kementerian Belia dan Sukan sebagai Platform TN50

Pada tahun ini, KBS akan melaksanakan fasa pertama yang melibatkan pengumpulan pandangan dan suara anak muda melalui kaedah maya atau digital. Ruang pengumpulan untuk fasa ini turut dipacu di laman sosial, seperti Facebook, Twitter dan Instagram, sebelum semua pandangan tersebut dikategorikan mengikut bidangnya. KBS tidak mahu ada pandangan atau idea yang terlepas pandang atau dipandang sepi. Maka KBS membuat keputusan untuk membuka ruang pemberian

pendapat seluas-luasnya, termasuk di ruang maya yang sering dilayari oleh golongan muda. Oleh itu, golongan muda perlu bersama-sama mencurahkan idea dan pandangan mereka tentang TN50 jika mahu melihat Malaysia berdiri gagah di mata dunia sebagai negara maju dan makmur pada tahun 2050. TN50 untuk generasi masa hadapan, dibentuk pada hari ini untuk generasi masa hadapan.

Bagi menjayakan wajah baharu negara pada 2050, KBS diamanahkan untuk menjadi platform bagi menjayakan TN50. KBS dikatakan akan melaksanakan tiga fasa untuk menyediakan kehendak dan pengisian memenuhi TN50 ini. Fasa pertama,



2016-2020, ialah fasa perancangan. Fasa seterusnya, 2020-2030, ialah fasa pelaksanaan. Fasa terakhir, 2030-2050, ialah fasa melihat wajah baharu Malaysia pada waktu itu, lebih-lebih lagi pada ketika negara kita menghampiri ulang tahun "kelahirannya" yang ke-100.

Proses "Bottom-Up"

Untuk menyangkal dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa TN50 menafikan dasar negara oleh pemimpin terdahulu, Perdana Menteri ternyata mempunyai pandangan yang jauh ketika mengilhamkan TN50. Perkara yang perlu difahami oleh anak muda pada hari ini ialah TN50 merupakan kesinambungan DEB dan Wawasan 2020. Maka, selepas Wawasan 2020, kita juga mesti ada visi untuk 30 tahun lagi. Ekskavasi dunia pada hari ini sangat dinamik kerana perubahan yang kita lihat pada hari ini tidak ada pada tahun 1991 sewaktu Wawasan 2020 digubal. Kita berdepan dengan cabaran dan perubahan demografi dan perubahan teknologi yang sangat pesat. Sekiranya kita tidak mempunyai medium perbincangan untuk mendapatkan input rakyat Malaysia, terutama generasi muda berkenaan dengan hala tuju dan aspirasi mereka menjelang 2050, kita tidak bersiap sedia untuk meneroka pelbagai kemungkinan pada masa hadapan.

Maka, untuk TN50, kita melihat perlunya ada proses *bottom-up*, iaitu pengaliran input dari akar umbi ke atas dan bukannya dari atas ke bawah. Kalau dahulu mungkin DEB dan Wawasan 2020 itu datang sebagai dokumen dasar dan visi daripada kerajaan kepada rakyat, kali ini prosesnya diterbalikkan kerana kerajaan mementingkan pandangan daripada rakyat terlebih



dahulu. TN50 akan dimulakan dengan generasi muda pada hari ini kerana merekalah yang akan menakhodai aspirasi ini. TN50 akan melibatkan sektor yang lain selepas kita memulakan keterlibatan dengan generasi muda. Jadi, kita mahu TN50 menjadi visi yang dapat dikongsi secara bersama, cetusan aspirasi yang didukung bersama, dan impian masa hadapan yang dicipta bersama oleh rakyat Malaysia dan bukan hanya dari kaca mata kerajaan semata-mata. Secara mudah, TN50 merupakan gagasan yang mencantumkan idea daripada seluruh rakyat Malaysia.

Peranan Anak Muda Menakhodai TN50

TN50 merupakan jawapan kepada segala persoalan yang dibangkitkan oleh anak muda di negara ini kerana keterbukaan gagasan ini untuk mendengar segala pandangan dan suara hati mereka. Untuk permulaan, anak muda perlu bergiat aktif dan hadir dalam siri Dialog Perdana yang diadakan dengan membawa fikiran yang rasional,

persediaan rapi, serta cadangan yang bernas agar mereka dapat menyuarakan pendapat mereka dengan minda yang bebas dan terbuka. Hanya dengan cara ini, mereka akan berlapang dada dan menerima jawapan bagi setiap persoalan yang terbuka di benak mereka. Dialog TN50 juga memainkan peranan yang penting kerana segala idea, cadangan, kritikan, pembaharuan, dan penambahbaikan daripada pungutan suara anak muda akan didengar dan menjadi medan terbaik bagi membantu kerajaan untuk merangka dasar terbaik untuk generasi kini pada masa hadapan.

Semestinya anak muda temantani saat ini sejak dahulu lagi. Jika selama ini gagasan negara dirangka oleh kerajaan semata-mata, maka TN50 menjadi medium yang sangat demokrasi dengan mengambil kira suara dan pandangan golongan rakyat jelata untuk mencetuskan idea dan menggemakan suara hati mereka kepada pemerintah.

Sebagai kesimpulannya, anak muda perlu bijak untuk menggunakan peluang yang ada bagi berkongsi idea

dan kemahuan mereka menjelang tahun 2050 yang gemilang kelak kerana merekalah yang akan memiliki dan menakhodai bahtera aspirasi negara pada tahun itu. TN50 merupakan medan terbaik untuk kita sama-sama melayarkan bahtera harapan negara kita di samudera luas yang tidak bertepi. Bahtera, layar, sauh, dan kompas perjalanan telah disediakan oleh kerajaan. Kini terpulang kepada anak muda pada hari ini untuk melayarkan bahtera gemilang ini.

SASARAN TN50

Kuasa ekonomi yang disegani
Keupayaan pertahanan strategik
Negara yang dihormati
Masyarakat yang bertamadun tinggi
Memacu perkembangan ilmu pengetahuan
Melahirkan inovasi mendahului zaman.